

Gaya Pembelajaran Pelajar-Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Dan Matematik, Kemahiran Hidup Dan Pengajian Islam) Separuh Masa Utm Berdasarkan Skala Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmann

Ahmad Johari Bin Sihes & Suaini Zakaria Bin Muhammad
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk mengkaji gaya pembelajaran pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains dan Matematik, Kemahiran Hidup dan Pengajian Islam) separuh masa UTM Johor Bahru. Model Skala Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmann yang terdiri daripada enam sifat yang berbeza iaitu berdikari, penghindaran, kolaboratif, pergantungan, persaingan dan penyertaan digunakan. Pelajar yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar Sains dan Matematik, Kemahiran Hidup dan Pengajian Islam yang mengikuti pengajian separuh masa SPACE. Kaedah soal selidik yang berbentuk skala Likert digunakan sebagai instrumen kajian kepada 93 orang responden dan dapatan di analisis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Packages for Sosial Science) version 12.0 for Windows. Hasil kajian menunjukkan sifat kolaboratif dan persaingan merupakan gaya pembelajaran dominan. Didapati juga tiada perbezaan gaya pembelajaran merentas jantina dan hanya sifat penyertaan yang ada perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan CPA. Kajian ini juga mengemukakan beberapa cadangan bagi meningkatkan tahap pembelajaran pelajar-pelajar separuh masa SPACE.

Katakunci : gaya pembelajaran pelajar

Pengenalan

Ramai orang amat berminat dengan pembelajaran , terutama sekali pada masa kini , dimana peledakan ilmu pengetahuan menjadi-jadi di merata-rata tempat di dunia ini, baik di Timur mahupun di Barat (Amir,1996). Demi merealisasikan impian ini, proses pembelajaran masa kini bukan sahaja berlaku di sekolah dan institusi pengajian tinggi malah terdapat juga golongan yang bekerja sepenuh masa belajar secara separuh masa di Universiti untuk menambah ilmu pengetahuan mereka.

SPACE telah mengorak langkah dengan menawarkan 30 orang pelajar program Sarjana Perancangan Pengangkutan di bawah Program Pengajian Luar Kampus Separuh Masa (Program Pengajian Separuh Masa atau PSM). Kemudian tahun berikutnya iaitu 1994 dengan mengendalikan program Sarjana Kejuruteraan Gas (36 pelajar) dan programprogram peringkat sijil (433 pelajar) serta pelbagai kursus pendek, seminar dan bengkel.

Keistimewaan pembelajaran secara ini bukan sahaja terbuka kepada mereka yang layak tetapi juga kepada yang bekerja sepenuh masa. Ia merupakan satu pendekatan yang bijak kearah menyelesaikan masalah pengajaran bagi pelajar-pelajar yang tidak berpeluang belajar sepenuh masa di pusat-pusat pengajian tinggi (Yusup, 1998).

Pembelajaran biasanya dianggap sebagai perolehan maklumat, pengetahuan, penguasaan kemahiran, tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Pembelajaran adalah perubahan kefahaman individu dan keupayaan melaksanakannya serta mempraktikkan apa yang telah dipelajari iaitu bukan sekadar meningkatkan jumlah matlamat yang digarap (Hargreaves, 1996). Setiap insan terdapat gaya pembelajarannya yang tersendiri dalam proses pembelajaran. Gremler (1996) setuju dengan pernyataan ini dengan menyatakan bahawa setiap orang mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri seperti cap ibu jari. Riding (1993) mentakrifkan gaya pembelajaran

sebagai cara seseorang pelajar memproses maklumat secara menyeluruh atau secara berperingkat-peringkat atau analitik. Pembelajaran seseorang bergantung pada pengalaman, kebolehan, kecerdasan dan sikap masing-masing. Perbezaan dalam pengalaman, kebolehan, kecerdasan dan sikap ini sangat mempengaruhi cara seseorang mempelajari, mentafsir, menganalisis, memahami sesuatu dan menceraip pengetahuan yang diajarkan (Aziz 1992). Perbezaan gaya pembelajaran yang wujud dalam diri individu boleh diperjelaskan dengan teori gaya pembelajaran yang menyatakan setiap individu mempunyai pendekatan yang berbeza dalam pelajaran (Gilbert dan Hang, 1999).

Memandangkan situasi pembelajaran dan pelajar di SPACE amat berbeza, penyelidik ingin mengkaji tentang gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar-pelajar SPACE dalam situasi yang istimewa ini.

Penyataan masalah

Berdasarkan latarbelakang yang dibincangkan, penyelidik mendapati bahawa gaya pembelajaran adalah penting bagi pelajar yang menuntut di SPACE. Oleh itu dalam kajian ini penyelidik ingin mengenalpasti gaya pembelajaran bagi pelajar yang sedang menuntut di SPACE berdasarkan Skala Gaya pembelajaran Grasha-Riechmann dari segi persaingan, kolaboratif, penghindaran, penyertaan, berdikari dan pergantungan pelajar. Penyelidik juga ingin mengenalpasti perbezaan gaya pembelajaran pelajar berdasarkan latarbelakang pelajar dari segi jantina dan pencapaian CPA pelajar.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti perkara-perkara berikut dikalangan pelajar yang mengikuti SPACE Ijazah Sijaya Muda Pendidikan (Sains dan Matematik , Kemahiran Hidup dan Pengajian Islam)

- a. Menenalpasti gaya pembelajaran dominan dikalangan pelajar berdasarkan Skala Gaya Pembelajaran Grasha-Riechmann.
- b. Menenalpasti perbezaan gaya pembelajaran pelajar merentas jantina.
- c. Menenalpasti perbezaan gaya pembelajaran pelajar berdasarkan pencapaian CPA.
- d. Menenalpasti hubungan diantara keenam-enam gaya pembelajaran dikalangan pelajar

Kepentingan kajian

Penyelidik berharap agar hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak yang memerlukan . Antara kepentingan kajian terhadap golongan sasaran penyelidik ialah :

Pelajar : Para pelajar dapat mengenal dirinya dengan lebih jelas untuk menenalpasti kekuatan dan kelemahan diri dan dapat belajar menuju ke arah kecenderungan diri bagi mengasahkan bakat dan potensi dirinya. Selain itu gaya pembelajaran dalam diri masing-masing yang berbeza dapat diketahui oleh pelajar supaya pelajar tidak mengikuti gaya pembelajaran rakan lain sedangkan gaya pembelajaran itu tidak sesuai bagi dirinya . Kebolehan pelajar menenalpasti cara diri sendiri mampu memberi perhatian, memproses dan mengingati sesuatu maklumat baru dan susah diketahui oleh pelajar . Selain itu, pelajar dapat mengeksploitasikan pengetahuan gaya pembelajaran yang betul dan sesuai kedalam kehidupan seharian mereka dan mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

Pensyarah : Bimbingan dan nasihat dapat diberikan oleh pensyarah kepada pelajar-pelajarnya untuk menyelesaikan masalah dalam pembelajaran. Selain itu pensyarah juga dapat mengenali

gaya pembelajaran pelajar yang diamalkan dan memilih pendekatan pengajaran yang sesuai dengan pelajar-pelajarnya agar dapat mencapai keberkesanan dalam pengajaran.

Fakulti : Mendapat gambaran sebenar tentang gaya pembelajaran pelajar SPACE. Hasil kajian yang diperolehi dapat membantu pihak-pihak yang tertentu terutama dalam bidang pendidikan untuk merancang menambahbaikkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran di SPACE.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian dibuat untuk memberi jawapan kepada persoalan-persoalan kajian yang telah disenaraikan berpandukan kepada objektif-objektif kajian. Menurut Karlinger (1973), menyatakan bahawa rekabentuk kajian adalah bertujuan untuk mencari maklumat dan juga mengawal varians.

Menurut Mohd Majid (2000), rekabentuk sesuatu penyelidikan adalah merupakan teknik dan kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah. Tambah beliau, rekabentuk sesuatu penyelidikan secara khususnya membincangkan bagaimana untuk mencapai sesuatu objektif penyelidikan. Ringkasnya rekabentuk adalah rangka projek penyelidikan yang menyatakan tentang corak dan jenis kajian yang hendak dijalankan, jenis maklumat yang dikumpul, dimana sumber boleh didapati dan kaedahnya.

Kajian ini adalah satu kajian yang berbentuk deskriptif dengan pendekatan kuantitatif. Menurut Mohd Majid (1990), kajian deskriptif merupakan suatu jenis kajian yang bermatlamat untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku ataupun juga bertujuan untuk menerokai sesuatu bidang yang belum dikaji atau kurang dikaji.

Populasi

Populasi kajian ini terdiri daripada para pelajar yang berkursus Sains dan Matematik, Kemahiran Hidup dan Pengajian Islam di Fakulti Pendidikan (SPACE) UTM Skudai Johor. Mereka adalah kumpulan pelajar yang bekerja sepenuh masa dan belajar secara separuh masa pada hujung minggu iaitu hari Sabtu dan Ahad di SPACE UTM Skudai Johor. Jadual 1 menunjukkan taburan populasi pelajar yang dikaji di SPACE UTM

Jadual 1: Taburan populasi pelajar di SPACE UTM.

Pengkhususan	Jumlah Pelajar
Sains dan Matematik (SSK)	159
Kemahiran Hidup (SPH)	408
Pengajian Islam (SPI)	171
Jumlah	738

Sumber : SPACE UTM

Sampel

Pemilihan sampel kajian ini menggunakan kaedah persampelan secara rawak. Iaitu sampel yang digunakan dan ditetapkan ciri-ciri atau kriteria oleh pengkaji ia dipilih secara rawak didalam kumpulan sasaran yang ditetapkan. Responden yang dipilih bagi kajian ini adalah dikalangan pelajar-pelajar SSK, SPH dan SPI Program SPACE UTM. Borang soal selidik diedarkan kepada pelajar SPACE seramai 100 orang yang terdiri dari 25 orang kursus SSK, 50 orang kursus SPH dan 25 orang kursus SPI.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk pengumpulan data kajian adalah dengan menggunakan borang soal selidik. Instrumen kajian ini adalah berdasarkan instrumen Gaya Pembelajaran Pelajar Grasha-Riechmann (1996) yang telah diterjemahkan. Menurut Grasha (1996), instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan kaedah uji-ulang-uji (test-retest) yang menunjukkan skor antara 0.76-0.83. Mohamad Najib (1999) menyatakan bahawa kaedah uji-ulang-uji ialah pentadbiran ke atas soal selidik sebanyak dua kali pada sampel yang sama dan kemudian lakukan analisis korelasi antara tadbiran pertama dengan tadbiran kedua. Sekiranya mendapat nilai koefisien 0.80 keatas, bermakna kebolehpercayaan instrumen itu adalah tinggi.

Sebanyak 100 set borang soal selidik diterjemahkan daripada Skala Gaya Pembelajaran Pelajar Grasha-Riechmann telah diedarkan kepada responden-responden. Dalam borang soal selidik ini, terdapat 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Dalam bahagian A mengandungi item-item yang berkaitan dengan faktor demografi seperti jantina dan CPA responden. Responden perlu menanda (✓) pada ruang yang disediakan.

Dalam bahagian B, terdapat 60 item yang terdiri daripada enam aspek yang berdasarkan Skala Gaya Pembelajaran Pelajar Grasha-Riechmann (GRSLSS) iaitu berdikari, penghindaran, kolaboratif, pergantungan, persaingan dan penyertaan. Selain daripada itu, Bahagian B ini akan diberi skor dalam bentuk Skala Likert. Skala Likert adalah terbahagi kepada lima peringkat dimana setiap nilai skor dari 1 hingga 5 masing-masing mempunyai maksudnya seperti dalam jadual 2 yang dinyatakan di bawah.

Jadual 2 : Skala Likert

Darjah Persetujuan Jawapan	Ringkasan Darjah Persetujuan Jawapan	Skor
Sangat tidak setuju	STS	1
Tidak setuju	TS	2
Tidak pasti	TP	3
Setuju	S	4
Sangat setuju	SS	5

Kajian Rintis

Kajian rintis adalah perlu dilakukan sebelum kajian sebenar dijalankan. Menurut Mohd Majid (1990), kajian rintis adalah bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang berhubung dengan pemahaman dan interpretasi terhadap item-item yang terdapat dalam soal selidik dan mendapat maklumbalas untuk memperbaiki item-item yang telah dibina.

Kajian rintis telah dijalankan keatas 10 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar SPACE. Menurut Mohamad Najib (1999), saiz sample rintis tidak perlu besar tetapi memadai untuk memenuhi tujuan perbincangan awal yang berkesan tentang ujian (6 hingga 9 orang)

Analisa tahap kebolehpercayaan ke atas soalan soal selidik telah dijalankan dengan menggunakan ujian Alpha Cronbach. Menurut Mohd Salleh dan Zaidatun (2001), kajian yang mencapai nilai alpha 0.6 ke atas adalah mempunyai kebolehpercayaan soalan yang boleh diterima. Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan memperolehi nilai alpha 0.6959. Nilai

alpha yang tinggi membawa maksud instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi

Analisis Data

Jadual 3 menunjukkan korelasi di antara keenam-enam gaya pembelajaran dikalangan pelajar. Hasil analisis menunjukkan bahawa sifat berdikari mempunyai hubungan yang positif tetapi lemah dengan sifat kolaboratif, pergantungan, persaingan dan penyertaan dimana nilai korelasinya ialah .307, .340, .421 dan .320. Ini menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara berdikari dengan sifat kolaboratif, pergantungan, persaingan dan penyertaan. Namun sifat penghindaran mempunyai hubungan yang negatif dengan sifat penyertaan dan kolaboratif pada tahap yang lemah dengan nilai korelasinya -.440 dan -.309.

Disamping itu, sifat kolaboratif adalah berhubungan sederhana dengan sifat pergantungan (.673) dan sifat penyertaan (.670) tetapi berhubungan yang lemah dengan sifat persaingan apabila nilai korelasinya .348. Hubungan sifat pergantungan dengan sifat persaingan adalah lemah (.407) sementara dengan sifat penyertaan adalah sederhana (.621) dan menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan antara sifat pergantungan dengan sifat persaingan dan sifat penyertaan.

Jadual 3 : Korelasi di antara keenam-enam gaya pembelajaran di kalangan pelajar.

Sifat	Berdikari	Penghindaran	Kolaboratif	Pergantungan	Persaingan	Penyertaan
Berdikari (r)	-	.075	.307**	.340**	.421**	.320**
(p)		.470	.003	.001	.000	.002
Penghindaran (r)		-	-.309**	-.216*	-.047	-.440**
(p)			.003	.033	.656	.000
Kolaboratif (r)			-	.673**	.348**	.670**
(p)				.000	.001	.000
Pergantungan (r)				-	.407**	.621**
(p)					.000	.000
Persaingan (r)					-	.465**
(p)						.000
Penyertaan (r)						-
(p)						

** p < .01 , two tail

* p < .05 , two tail

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa keenam-enam sifat gaya pembelajaran yang dikaji, sifat kolaboratif dan sifat persaingan adalah gaya pembelajaran dominan pelajar SPACE dimana kedua-dua sifat tersebut adalah berada pada tahap tinggi.

Selain itu sifat persaingan juga berada pada tahap yang tinggi dalam kajian ini. Ini adalah kerana mereka bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan ganjaran dan pengiktirafan. Disamping itu mereka juga sentiasa ingin menunjukkan kehebatan diri dalam tugas dan tahap pencapaian dalam ujian. Begitu juga mereka tidak suka berkongsi maklumat dengan orang lain dan takut akan rakan-rakan lain mengetahui maklumat penting yang telah diketahui olehnya. (Mohd. Yahya dan Muhammad Haizan, 2001).

Oleh itu, keputusan yang didapati bagi pelajar SPACE bahawa mereka bersifat berdikari pada tahap sederhana dan ini adalah bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh Patterson (2001) yang menyatakan bahawa pelajar yang mengikut program secara *online* adalah lebih bersifat berdikari.

Hasil daripada analisis yang dibuat mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam gaya pembelajaran pelajar berdasarkan jantina. Ini adalah kerana gaya pembelajaran antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan adalah sama dari segi sifat berdikari, penghindaran, kolaboratif, pergantungan, persaingan dan penyertaan.

Dapatan hasil kajian ini mendapati bahawa hanya sifat penyertaan merupakan satu-satunya sifat yang ada perbezaan yang signifikan. Manakala sifat-sifat lain seperti sifat berdikari, penghindaran, kolaboratif, pergantungan dan persaingan tiada perbezaan yang signifikan dalam gaya pembelajaran pelajar berdasarkan CPA. Ini adalah kerana disebabkan oleh terlalu besar julat di antara Lulus Dengan Cemerlang dengan Lulus Dengan Kepujian.

Bagi membantu pelajar untuk Lulus Dengan Cemerlang iaitu dengan mendapat CPA \geq 3.50 kaedah pembelajaran yang betul dan berkesan perlu ditetapkan kepada mereka. Menurut Rowntree (1974), pelajar memerlukan kaedah pembelajaran yang betul untuk mendapat keputusan yang cemerlang. Oleh itu gaya dan strategi yang diamalkan oleh pelajar amat penting untuk Lulus Dengan Cemerlang.

Dapatan daripada hasil kajian ini menunjukkan bahawa sifat berdikari mempunyai hubungan yang positif tetapi lemah dengan sifat kolaboratif, pergantungan, persaingan dan penyertaan dimana nilai korelasinya ialah .307, .340, .421, dan .320. Menurut Diaz dan Cartnal (1999) yang menunjukkan bahawa seseorang pelajar yang menunjukkan sifat berdikari yang terendah akan bersifat kolaboratif. Namun begitu sifat penghindaran mempunyai hubungan yang negatif dengan sifat penyertaan dan kolaboratif pada tahap yang lemah dengan nilai korelasinya -.440 dan -.309.

Kajian ini juga mendapati bahawa sifat kolaboratif adalah berhubungan sederhana dengan sifat pergantungan dan sifat penyertaan tetapi berhubungan yang lemah dengan sifat persaingan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Diaz dan Cartnal (1999) menunjukkan bahawa apabila sifat kolaboratif yang tinggi, sifat pergantungan dan penyertaan juga akan menunjukkan nilai yang tinggi.

Rujukan

- Aziz Nordin (1992). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Penerapan Pembelajaran Kimia*. Fakulti Pendidikan, Pusat Pengajian Tahun Satu UTM.
- Bloom, B.S. (1976). *Human Characteristics And School Learning*. New York : Mc Graw Hill Book Company.
- Canfield, A.A. (1977). *Learning Styles Inventory Manual*. Plymouth : Humanics Inc.
- Dunn, K. (1982). *Learning Style Inventory Development And Research*. Boston : Allyn & Bacon.
- Ee Ah Meng (1994). *Psikologi Pendidikan 2*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti .
- Felder. R. (1996) . *Matters Of Styles*. ASEE Prism. 6 (4) . 18-23.

- Gilbert , J.E. dan Han. C.Y. (1999). *Arthur : An Adaptive Instruction System Based On Learning Styles*. Syllabus 99 Conference Proceedings.
- Hartman, V.F. (1995) . Teaching And Learning Style Preferences : Transitions Through Technology. *VCCA Journal*. 9. 18-20.
- Isahak Haron (1994). Aliran Perkembangan Pendidikan dan Pembentukan Malaysia Sebagai Negara Industri Dalam Abad ke21. dalam Abu Bakar Nordin (1994).”Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi Cabaran 2020.” Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Johnson, D.W. dan Johnson, R.T. (1999). *Learning Together And Alone : Cooperative, Competitive And Individualistic Learning*. Massachusetts : Allyn & Bacon.
- Kamus Dewan (2005) . *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Litzinger & Osif (1992). *Accommodating Diverse Learning Styles : Designing Instruction For Elektronik Information Sources*. MI : Pierian Press.
- Mohd Azrai Kassim (2005). *Prospektus Program Pengajian Separuh Masa SPACE*. UTM : Sekolah Pendidikan Profesional dan Pendidikan Berterusan.
- Mohd Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Johor Bahru : Universiti Teknologi Malaysia.
- Philips, S.U. (1993). *The Invisible Culture : Communication In Classroom And Community On The Warm Spring Indian Reservation*. New York : Longman.
- Rawntree, D. (1994). *Learn How To Study*. London : Mc Donald & Co.
- Smith, K.C. & Sheath (1979). *External Studies In New England : A Silver Jubilee Review*. Armidale : UNE.
- Tajul Ariffin Nordin (1989).”Tinjauan Masalah-masalah Pembelajaran di Kalangan Pelajar Berpencapaian Rendah : Kaedah Perbincangan.” *Jurnal Personalia Pelajar*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yusup Hashim (1998). *Teknologi Pengajian*. Selangor : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zalina Mohd Ali dan Nur Zakiah Mohd Saas. (2000). Prestasi Pelajar PJJ : Suatu Kajian Umum dalam ”Seminar Kebangsaan Pengajian Jarak Jauh.” Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia.